KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

CRADLE LIVE! SUMMIT 2026: PERKUKUH EKOSISTEM SYARIKAT PEMULA MALAYSIA KE PERINGKAT ASEAN DAN GLOBAL

Memacu pertumbuhan syarikat pemula melalui kerjasama strategik dan peluang pelaburan, termasuk pelancaran Startup ASEAN Digital Centre of Excellence (DCoE).

KUALA LUMPUR, 4 November 2026 – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menerusi Cradle Fund Sdn. Bhd. (Cradle) hari ini menganjurkan **Cradle LIVE! Summit 2026** yang disempurnakan oleh YB Datuk Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi di The Arch Galeries, Kuala Lumpur.

Mengangkat tema ***"Build in Malaysia. For ASEAN & Beyond"*,** sidang kemuncak ini menghimpunkan syarikat pemula (*startup*), pelabur, syarikat korporat dan pemimpin ekosistem inovasi bagi memperkukuh kerjasama strategik, membuka peluang pelaburan dan memperluas akses pasaran syarikat pemula Malaysia ke seluruh rantau ASEAN dan seterusnya ke peringkat global, dengan sokongan rakan strategik termasuk Alliance Bank selaku Penaja Utama.

YB Datuk Chang Lih Kang berkata, "Cradle *LIVE! Summit* 2026 merupakan platform penting untuk memperkukuh ekosistem syarikat pemula negara melalui kerjasama strategik dan akses kepada peluang pelaburan. Usaha ini bukan sahaja memperkasa pengasas syarikat pemula, malah memperkukuh jaringan serantau dan membuka lebih banyak peluang perniagaan di seluruh ASEAN, sekali gus membantu syarikat pemula Malaysia berkembang dan bersaing di peringkat global."

Sementara itu, Encik Norman Matthieu Vanhaecke, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Cradle berkata, "Cradle *LIVE! Summit* 2026 berteraskan dua aspirasi utama: *The Springboard to ASEAN* dan *The BIG Innovation Impact*. Kami mahu membuka laluan kepada syarikat pemula Malaysia untuk menembusi pasaran ASEAN, sambil merapatkan jurang antara syarikat pemula dan korporat bagi mempercepat penerapan inovasi dalam dunia perniagaan. Inilah cara kita membina ekosistem yang bukan sahaja melahirkan inovasi, tetapi turut menjana peluang perniagaan dan impak ekonomi yang nyata."

MALAYSIA MADANI

Sidang kemuncak ini turut menyaksikan pelancaran ***Startup ASEAN Digital Centre of Excellence (*DCoE*)*** sebagai kesinambungan platform *Startup ASEAN* yang dilancarkan pada Jun 2025. Dibangunkan dengan penyertaan negara anggota ASEAN, DCoE memperkenalkan tujuh (7) modul digital baharu, iaitu *AI Matching & Insights, ASEAN Knowledge Base, Startup Programme Module, Startup Registration & Verification, Ecosystem Marketplace, DCoE Assistant* dan *Integrated Services,* bagi memperluas akses kepada maklumat, program, rakan strategik dan peluang pasaran, sekali gus membantu syarikat pemula meneroka peluang pertumbuhan merentas sempadan.

Sejak dilancarkan, platform *Startup ASEAN* telah menarik lebih 52,000 pengguna aktif dan 10,400 syarikat pemula dari lebih 150 negara, menyokong lebih 50 program dan acara serantau serta menghubungkan lebih 250 pengasas syarikat pemula dengan pelabur, syarikat korporat dan rakan ekosistem menerusi sesi ASEAN *CrossConnect* di Malaysia, Thailand dan Vietnam.

Sidang kemuncak ini turut memperkukuh kerjasama antara syarikat pemula dengan sektor korporat melalui inisiatif seperti *The BIG Programme* (Bengkel Inovasi GLC), yang menghubungkan syarikat pemula dengan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), Syarikat Tersenarai Awam (PLC) dan entiti Syarikat Menteri Kewangan (Diperbadankan) (MKD/ MOF Inc.) bagi memacu inovasi dan pengkomersialan.

MOSTI akan terus memperkukuh ekosistem syarikat pemula negara bagi melahirkan lebih banyak syarikat berdaya saing yang mampu berkembang ke pasaran ASEAN dan global, sekali gus mengangkat inovasi tempatan sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi negara.

Untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai ciri-ciri, sumber dan peluang yang tersedia, layari startup-asean.org.

#TAMAT#

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
4 NOVEMBER 2026

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Elmy Fairuz Azmi
Cradle Fund Sdn. Bhd. (Cradle)
elmy@cradle.com.my
+6012-271 3457

Kit Media

MALAYSIA MADANI

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

PRESS RELEASE
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

CRADLE LIVE! SUMMIT 2026: STRENGTHENING MALAYSIA'S STARTUP ECOSYSTEM FOR ASEAN AND GLOBAL GROWTH

Driving startup growth through strategic collaboration and investment opportunities, including the launch of the Startup ASEAN Digital Centre of Excellence (DCoE).

KUALA LUMPUR, 4 November 2026 – The Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI), through Cradle Fund Sdn. Bhd. (Cradle), today hosted **Cradle LIVE! Summit 2026**, officiated by YB Datuk Chang Lih Kang, Minister of Science, Technology and Innovation at The Arch Galeries, Kuala Lumpur.

Held under the theme **"Build in Malaysia. For ASEAN & Beyond,"** the summit brought together startups, investors, corporations and innovation ecosystem leaders to strengthen strategic collaboration, unlock investment opportunities and expand Malaysian startups' market access across ASEAN and beyond, with the support of strategic partners, including Alliance Bank as the Title Partner.

YB Datuk Chang Lih Kang, said, "Cradle LIVE! Summit 2026 is an important platform for strengthening the nation's startup ecosystem through strategic collaboration and access to investment opportunities. These efforts not only empower startup founders but also strengthen regional networks and open more business opportunities across ASEAN, helping Malaysian startup grow and compete on the global stage."

Meanwhile, Norman Matthieu Vanhaecke, Group Chief Executive Officer of Cradle, said, "Cradle LIVE! Summit 2026 is built around two key priorities, The Springboard to ASEAN and The BIG Innovation Impact. We want to help Malaysian startups break into regional markets while bridging the gap between startups and corporations to accelerate the adoption of innovative solutions. This is how we build an ecosystem, that not only fosters innovation, but also creates tangible business opportunities and lasting economic impact."

The summit also witnessed the launch of the **Startup ASEAN Digital Centre of Excellence (DCoE)**, building on the Startup ASEAN platform launched in June 2025. Developed with the participation of ASEAN Member States, DCoE introduces seven (7) new digital modules: AI Matching & Insights, ASEAN Knowledge Base, Startup Programme Module, Startup Registration & Verification, Ecosystem Marketplace, DCoE Assistant dan Integrated Services. These features expand access to information,

MALAYSIA MADANI

programmes, strategic partners and market opportunities, helping startups explore cross-border growth opportunities.

Since its launch, the Startup ASEAN platform has attracted more than 52,000 active users and 10,400 startups from over 150 countries. It has supported more than 50 regional programmes and events, while connecting over 250 startup founders with investors, corporations and ecosystem partners through ASEAN CrossConnect sessions in Malaysia, Thailand and Vietnam.

The summit also strengthened collaboration between startups and the corporate sector though initiative such as The BIG Programme (*Bengkel Inovasi GLC*), which connects startups with Government-Linked Companies (GLCs), Public-Listed Companies (PLCs) and Ministry of Finance Incorporated (MOF Inc.) entities to drive innovation and commercialisation.

MOSTI will continue to strengthen the nation's startup ecosystem to nurture more competitive companies capable of expanding into ASEAN and global markets, positioning homegrown innovation as a key driver of national economic growth.

For the latest features, resources and opportunities, visit startup-asean.org.

#END#

Issued by:

MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION
4 NOVEMBER 2026

For media inquiries, please contact:

Elmy Fairuz Azmi
Cradle Fund Sdn. Bhd. (Cradle)
elmy@cradle.com.my
+6012-271 3457

Media Kit

MALAYSIA MADANI